



NOTIS MAKLUMAN

PELAKSANAAN SISTEM SMARTFYLE LPPSA BAGI PENGURUSAN SECARA DIGITAL LAPORAN NILAIAN JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH)

Dimaklumkan bahawa mulai **12 Julai 2026**, semua urusan penghantaran dan penerimaan dokumen Laporan Nilai (LN) Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) akan dilaksanakan secara digital menerusi **Sistem SmartFyle LPPSA**.

Ciri-ciri utama Sistem SmartFyle adalah seperti berikut:

- Menghapuskan keperluan penghantaran dokumen secara fizikal.
- Menyediakan notifikasi e-mel secara masa nyata (*real-time*) kepada pelanggan.
- Membolehkan pelanggan, peguam dan pemaju menjejak status dokumen secara dalam talian melalui [Portal Semakan Dokumen \(PSD\)](#).

Langkah ini merupakan sebahagian daripada inisiatif transformasi digital LPPSA dalam usaha memperkukuh mutu penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, pantas dan selamat.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh diperolehi melalui saluran komunikasi LPPSA seperti [eKaunter LPPSA](#), [WhatsApp LPPSA](#), [Portal Pertanyaan/ Aduan eTiket](#) dan [LiA Chatbot dan Live Chat](#).

8 JULAI 2026